

14 Julai, 1981

Profil dua pemimpin negara di radio

KUALA LUMPUR, Isnin — Radio Malaysia menerusi semua rangkaian akan menyiarkan rancangan khas Profil Dua Pemimpin Negara — Yang Akan Bersara dan Yang Akan Mengganti.

Rancangan tersebut ke udara Rabu ini: di Rangkaian Nasional (5.45 petang), Rangkaian Biru (7.30 malam), Rangkaian Hijau (10.15 malam) dan Rangkaian Merah (9 malam) — Menyiarkan Profil Perdana Menteri Datuk Hussein Onn yang akan bersara mulai 16 Julai ini.

Manakala Profil bakal Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan ke udara esoknya pada waktu yang sama di semua rangkaian.

Tinjauan dari beberapa tokoh politik juga akan disiarkan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia